

Proceeding of ICECRS, 1 (2016) 559-564

ISSN. 2548-6160

International Seminar on Generating Knowledge Through Research, UUM-UMSIDA, 25-27 October 2016, Universiti Utara Malaysia, Malaysia.

Available online: <http://ojs.umsida.ac.id/index.php/icecrs>

Article DOI: <http://dx.doi.org/10.21070/picecrs.v1i1.525>

## **PENGHAYATAN BIOGRAFI 25 TOKOH DALAM KENALI TOKOH BERJASA JILID 2 KARYA TALIB SAMAT SEBAGAI PEMBINAAN MODAL INSAN RAKYAT MALAYSIA**

<sup>1</sup>Nor Hasimah Binti Ismail

<sup>2</sup>Julizayati Binti Shukor

<sup>1</sup>Universiti Utara Malaysia

<sup>2</sup>SMK Pasir Gudang, Pasir Gudang, Johor

---

**ABSTRAK:** Modal insan ialah modal yang digagaskan bagi menjana suatu kerja yang dilihat sebagai aset penting dalam sesebuah negara. Aset ini penting dalam memastikan masyarakat yang lahir adalah masyarakat yang mampu memberi sumbangan kemajuan kepada sesebuah negara. Kemajuan ini mencakupi semua aspek sama ada aspek rohaniah dan lahiriah. Objektif kertas kerja ini dibuat ialah bagi membincangkan sumbangan 25 orang tokoh dalam pelbagai yang boleh dianggap sebagai penyuntik dalam melahirkan modal insan rakyat Malaysia. Semua tokoh yang diutarakan ini memberi banyak sumbangan dan jasa kepada agama bangsa dan negara. Sumbangan yang diberikan termasuklah dalam bidang kesusasteraan, media massa dan pembangunan politik. Nilai-nilai murni melalui deskripsi yang diberikan tentang setiap tokoh mampu membantu dalam pembinaan modal insan rakyat khususnya golongan muda. Insan yang terbangun jiwanya haruslah berlandaskan nilai-nilai murni seterusnya membantu membangunkan peradaban manusia.

**KATA KUNCI:** Biografi 25 Tokoh, Talib Samat, Modal Insan

---

### **PENGENALAN**

Pembinaan modal insan ialah suatu usaha untuk membangunkan masyarakat yang maju dan proaktif serta diredai Allah. Insan yang terbangun jiwa dan mindanya haruslah berlandaskan nilai-nilai Islam yang sebenar seterusnya mampu membangunkan seluruh peradaban manusia. Pembinaan modal insan yang tepat akan membantu sesebuah negara melahirkan masyarakat yang dapat memastikan kejayaan masa depan sesebuah negara.

Tokoh yang dibincangkan dalam *Biografi 25* dapat dikategorikan kepada beberapa sumbangan seperti dalam bidang kesusasteraan, media massa dan politik.

Dalam bidang kesusasteraan tokoh yang dibincangkan ialah Ibrahim Mohd. Said. Beliau dilahirkan pada 24 November 1937 di Trong, Perak. Buku syair hasil nukilannya dalam tulisan jawi dan rumi berjudul *Syair Sultan Azlan Shah: Putera Berjiwa Rakyat*. Buku ini memecahkan rekod tersendiri tentang biografi sultan Perak yang mengandungi 1344 rangkap syair yang indah dan menarik.

Mohd Ali bin Majod (Malinas) dilahirkan pada 12 September 1940 di Gemenceh, Tamping, Negeri Sembilan merupakan tokoh yang membina dan mengembangkan sastera kanak-kanak dan remaja di Malaysia. Beliau menuntut di Maktab Perguruan Sultan Idris Tanjung Malim, Perak (1958-1961) dan menyambung pengajian di Universiti Malaya (1975-1978). Beliau meninggal dunia pada 20 Mac 2012 dalam usia 72 tahun.

Mana Sikana adalah nama samaran Abdul Rahman bin Napiah @ Hanafiah @ Mohd. Hanafiah dilahirkan pada 9 Oktober 1945 di Bagan Serai, Perak. Beliau mendapat pendidikan di Sekolah Umum Bukit Chandan, Kuala Kangsar dan Sekolah Menengah Izzudin Shah Ipoh. Beliau meneruskan Pengajian di Maktab Bahasa Kuala Lumpur dan Universiti Kebangsaan Malaysia. Beliau kini bertugas sebagai pensyarah kesusasteraan Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjung Malim, Perak.

Penglibatan awal dalam bidang penulisan bermula pada tahun 1964 apabila beliau menghasilkan sebuah cerpen yang berjudul 'Kawan Yang Berbudi dan Yang Berduri' yang mendapat tempat di akhbar *Berita Harian* dan memenangi hadiah sebanyak RM100.00. Beliau banyak menulis cerpen, rencana, kritikan drama, drama radio dan TV, penulisan esei serta kritikan. Selain itu, beliau juga merupakan pencipta teori teksedealisme dan takbudiyah.

Prof Emeritus Dr. Awang Had Salleh adalah Pro-Canselor Universiti Pendidikan Sultan Idris yang terawal. Beliau dilahirkan pada 24 Jun 1934 di Kampung Pulau Betong Balik Pulau, Pulau Pinang. Beliau meninggal dunia pada 1 Julai 2013. Beliau adalah ahli akademik dan sasterawan Malaysia yang banyak menghasilkan puisi, esei, cerpen, drama yang bermutu dan mempunyai nilai estetika yang tersendiri.

Baharuddin Kahar dilahirkan pada 24 Disember 1946 di Pekan Lama Tanjung Rambutan Perak. Beliau mempunyai pengalaman bekerja sebagai buruh, pemuzik, guru, penerbit dan peniaga sate. Beliau juga telah menghasilkan lebih kurang 40 buah puisi. Novel *Senjakala* adalah karyanya yang terbaik. Cetakan mencecah 400,000 naskhah menjadi teks sastera Sijil pelajaran Malaysia tahun 1980-an – 1990-an.

Ahmad@Mohd, Radzi bin Mahmud atau Tamar Jalis dilahirkan pada 13 September 1940 di Kampung Batu 36 Jalan Setiawan, Perak. Beliau pernah menjadi buruh, pemberita bebas, kerani pengedar surat khabar (*Utusan Melayu*) 1970 dan pernah bertugas sebagai Timbalan Ketua Editor Kumpulan majalah Variapop Group. Penulis ini sangat terkenal dengan karya *Siri Novel Bercakap Dengan Jin*(SBDJ). Kisah yang dipaparkan bukan sahaja tentang makhluk jin tetapi disulami perubatan tradisional Melayu, Sejarah, ilmu persilatan, psikologi Melayu, kosmologi Melayu dan perbomohan Melayu.

Tokoh berikut yang bergiat dalam dunia kesusasteraan ialah Md. Akhir Leman. Beliau dilahirkan pada 10 Mei 1932 di Kampung Baru Air Tawar, Setiawan, Perak. Beliau merupakan seorang pesara guru. Novel beliau yang paling popular ialah *Bahagia Sesudah Derita* telah diulang cetak sebanyak 13 kali sejak cetakan pertama pada tahun 1958. Kekuatan watak novel ini menjadi ikon, model dan contoh teladan kepada generasi akan datang dalam usaha melahirkan modal insan yang cemerlang.

Sasterawan Negara Usman Awang merupakan anak kelahiran Kampung Tanjung Lembu, Kuala Sedili, Kota Tinggi, Johor. Beliau adalah seorang Sasterawan Negara Malaysia yang terkenal dan banyak menyumbangkan hasil sastera dalam bidang novel, cerpen dan sajak. Sejak tahun 1950-an beliau merupakan salah seorang pengasas Ikatan Persuratan Melayu Melaka (IPM), Setiausaha ASAS 50 di Singapura dan Ketua PENA yang pertama (1962-1965). Beliau juga adalah salah seorang yang mengambil daya inisiatif untuk mengadakan Hari Puisi, Cempaka Berbunga, Malam Gema Puisi dan Gentar Rasa di Panggung Anniversary, Manifestasi Dua Seni dan banyak lagi aktiviti lain. Kumpulan Puisi "Keranda 152" dan "Telok Gong" juga adalah daya usaha Usman Awang bersama penyair lain.Kejayaannya mempertahankan dirinya sebagai seorang penyair dan budayawan yang terus kreatif memberikan rasa keteguhan terhadap tradisi baru sastera Melayu.

Jaafar Abdul Rahim adalah seorang editor. Editor adalah orang yang paling penting kerana merancang dalam penyediaan bahan melalui penerbitan karya kreatif dan non-kreatif. Hasil pemikiran yang dikeluarkan oleh editor itu sendiri, sebenarnya satu hasil pemikiran yang tinggi. Beliau juga menyarankan rakyat Malaysia supaya cintakan budaya ilmu dan mengukuhkan nilai-nilai intelektual.

Tokoh berikut adalah insan yang berjasa dalam bidang media massa. Antaranya ialah Datuk Aminah Din. Beliau dilahirkan di Kampung Sematang Kuala Kedah, Kedah. Tugasnya penting dalam penyelenggaraan alat-

alat kejuruteraan dan komunikasi. Kedudukannya sebagai jurutera di RTM adalah untuk memastikan kesemua studio radio dan televisyen serta pentadbiran berjalan lancar sewaktu para juruhebah dan pembantunya bertugas di konti.

Seterusnya ialah Haji Baharin Mohd Tahir, suaranya sering didengar pada era 70-an di Johor sewaktu membaca berita radio. Beliau pernah bertugas sebagai guru sementara, juruhebah, pembaca berita dan pengarah radio mengikut arahan Jabatan Penyiaran. Beliau pernah menjadi pengacara musabqah di peringkat kebangsaan dan antarabangsa (1970- 1980). Selepas bersara beliau menulis skrip untuk siaran Suara Malaysia berjudul 'Malaysia Hari Ini, dan menjadi Lembaga Pengarah Filem Malaysia (2002-2005).

Atondra atau nama sebenarnya ialah Haji Mohd. Nordin Abdul Rahman merupakan penyunting dram Radio Televisyen Malaysia (RTM) yang popular era 1970-an. Selaku penyunting skrip drama RTM, beliau akan memastikan drama-drama RTM mengikut keperluan RTM iaitu berdasarkan konsep 3M iaitu menghibur, mengajar (mendidik) dan memberitahu tentang pelbagai dasar kerajaan mahupun kehidupan yang baik.

Penglibatan orang asli dalam bidang penyiaran penting dalam menyalurkan dasar-dasar kerajaan sambil menghiburkan dalam bahasa orang asli. Di samping memerangi komunis yang makin hebat pada era 1960-an dan 1970an pada ketika itu. Informasi dan maklumat yang betul dari juruhebah RTM ke atas masyarakat orang asli yang berada di seluruh pelosok negara memerlukan juruhebah kreatif dan Achum Luji adalah juruhebah orang asli yang berkarisma.

Harjit Singh Hullon adalah anak kelahiran Kuala Lumpur. Beliau memecah rekod tradisi menjadi pembaca berita berketurunan Punjabi yang pertama menjadi pemberita di RTM. Berkat kesungguhan dan keseriusannya menyampaikan berita televisyen selama 38 tahun. Beliau menerima Anugerah Malaysia Book of Record dalam bidang pembacaan berita TV khususnya "Berita Dunia".

Hajah Latifah Sidek bekas juruhebah RTM dan pernah menjadi Timbalan Presiden Persatuan Veteran RTM (PVRTM). Beliau mempunyai petua sebagai juruhebah yang baik iaitu perlu peka, ramah, luaskan pandangan hidup dan menjadi cikgu atau tenaga pengajar di udara untuk mendidik masyarakat umum tentang sesuatu masalah hidup.

Yong Rafidah binti Yaacob yang lebih dikenali sebagai Kak Yong bersara wajib pada usia 56 sebagai Timbalan Ketua Pengarah Penyiaran Rancangan, Jabatan Penyiaran Malaysia (Penerbit Rancangan Gred Utama JUSA C). Bermula dengan kerjaya juruhebah, berlakon drama, menerbitkan drama radio, membaca berita dan menjadi ketua jabatan.

Tokoh yang bertugas di stesen radio dan televisyen sangat penting kerana segala maklumat dan hebahan yang disampaikan akan didengar oleh seluruh masyarakat dan negara sama ada dalam dan luar negara. Mereka menjadi perantara penyampaian maklumat kepada semua.

Dalam bidang politik terdapat beberapa orang tokoh yang berperanan membantu membangunkan modal insan. Antaranya ialah Yusuf Ishak yang dilahirkan pada 4 Disember 1967 berasal dari Kampung Gajah, Terong, Taiping Perak. Beliau menjadi Presiden Singapura yang pertama pada 9 Ogos 1967. Sebagai mengenang jasanya gambar Yusof Ishak dimasukkan dan diabadikan oleh pemerintah Singapura pada mata wang kertas Singapura.

Tun Ghazali Shafie merupakan tokoh besar Rao dari negeri Pahang. Beliau dilahirkan pada 22 Mac 1922 di Kuala Lipis Pahang dan meninggal dunia pada 24 Januari 2010. Beliau menganggotai Suruhanjaya Cobbold mengenai pembentukan Malaysia serta terlibat mendraf Rukun Negara. Beliau pernah berkhidmat dengan empat orang Perdana Menteri Malaysia sejak zaman Tuanku Abdul Rahman sehingga zaman Tun Dr. Mahathir Mohamad.

Nakhoda Muhammad Taib adalah tokoh hidup sezaman dengan Ngah Ibrahim – pahlawan maritim, pentadbir, pedagang dan perjuangan Melayu khususnya memerangi kegiatan lanun di perairan Selat Dinding, Selat Melaka, perairan Kuala Sepit, Lumut pada akhir abad ke - 19. Ketokohan jasa dan sumbangan tokoh ini diabadikan pada nama Sekolah Kebangsaan Nakhoda Muhammad Taib, Batu Tiga, Lumut Perak

Dato' Dr. Haji Wan Mohd. Isa bin Dato' Seri Wan Ahmad pemegang Tengku Menteri Kelapan. Beliau pernah berperanan sebagai Orang Besar Jajahan Larut Matang dan Selama yang memberi perkhidmatan sosial dalam membantu orang-orang miskin, penduduk yang susah, orang cacat dan kurang upaya.

Harifudin Kamarudin merupakan tokoh yang berjuang memartabatkan Tengku Menteri Ngah Ibrahim sejak 2003-2006. Beliau terlibat dalam operasi menjejak pusara Tengku Menteri Ngah Ibrahim di Singapura dan pelancaran buku *Kesan dan Penghayatan Novel Sejarah Tengku Menteri* di Kompleks Sejarah Pasir Salak. Pelancaran buku puisi *Matang di Bumi Larut* telah dilakukan di Perpustakaan Tuanku Bainun, UPSI. Kemuncak ialah kepulangan jenazah Tengku Menteri Ngah Ibrahim dan Laksamana Muhammad Amin dari Singapura ke Perak menggunakan kapal TLDM KD Laksamana Muhammad Amin.

Mohamed Ali Osman ialah Sejarawan Taiping, Perak. Beliau merupakan bekas Setiausaha Persatuan Sejarah Taiping dan menjadi Setiausaha Persatuan Sejarah Malaysia, Cawangan Larut dan Matang, Taiping. Seterusnya beliau telah mencadangkan penubuhan 'Yayasan Tun Abdul Razak' pada tahun 1976 dan menerbitkan buku *Profil Cemerlang Allahyarham Tun Razak* dan biografi pada Ogos 1997. Beliau telah memperjuangkan penggunaan Bahasa Melayu di mahkamah-mahkamah di negara ini.

Tan Sri Dr. Alfred Jabu Timbalan Ketua Menteri Sarawak adalah Tokoh Iban di Sarawak. Beliau menempuh pelbagai cabaran seperti berjalan kaki beberapa kilometer dan terpaksa menaiki sampan sebelum tiba di sekolah. Suasana sukar zaman penjajahan itu tidak mematahkan semangat untuk mendapatkan pelajaran untuk masa hadapan

Laksamana Muhammad Amin terkenal setelah anaknya Toh Puan Halimah berkahwin dengan Tengku Ngah Ibrahim Orang Kaya Menteri Paduka Tuan (1863-1895). Muhammad Amin juga pernah menjadi wakil Sultan Perak ke 26, Sultan untuk menghantar surat bantahan kepada Gabenor Andrew Clarke di Singapura untuk membantah tindakan Residen British Perak pertama, J.W.W. Birch yang telah mengganggu gugat kedudukan Sultan Abdullah .

Tun Sab'an pengasas negeri dan Kesultanan Perak pada tahun 1528. Nama beliau diabadikan pada nama sebuah Sekolah Menengah kebangsaan Tun Sab'an di Pengkalan Hulu. Perak. Pusaranya terletak di Empangan Kenering, Gerik Perak. Hasil Lawatan didapati pusara tersebut sudah ditenggelami air dan tumbuh setopok lalang yang terapung di tengah – tengah Empangan Kenering dan bersambung dengan Empangan Bersia, Piah.

## **KESIMPULAN**

Pembentukan sahsiah diri yang tinggi dan unggul adalah amat penting. Tokoh-tokoh yang dipaparkan keseluruhannya menunjukkan kejayaan dalam bidang masing-masing. Justeru, setiap warga perlu menyelami setiap tokoh ini dan menjadikan mereka sebagai contoh teladan yang berguna bagi melahirkan modal insan rakyat Malaysia yang berguna kepada agama, bangsa dan negara.

## RUJUKAN

Talib Samat. (2013). *Kenali Tokoh Berjasa Jilid 2*. Perak: Penerbit Mentari.

[http://ms.wikipedia.org/wiki/Abdul\\_Rahman\\_Napiah](http://ms.wikipedia.org/wiki/Abdul_Rahman_Napiah)

[http://ms.wikipedia.org/wiki/Ali\\_Majod](http://ms.wikipedia.org/wiki/Ali_Majod)

[http://ms.wikipedia.org/wiki/Awang\\_Had\\_Salleh](http://ms.wikipedia.org/wiki/Awang_Had_Salleh)

[http://ms.wikipedia.org/wiki/Usman\\_Awang](http://ms.wikipedia.org/wiki/Usman_Awang)

<http://umrefjournal.um.edu.my/filebank/>

<http://ww1.utusan.com.my/utusan/info>

